

**PERNYATAAN PENTING  
UNTUK PERSIDANGAN HARI PERINGATAN 2022**

**Makan pohon hayat,  
iaitu menikmati Kristus sebagai bekal hayat kita,  
harus menjadi perkara yang utama dalam kehidupan gereja.**

**Dua pohon dalam Kejadian 2:9—  
pohon hayat dan pohon pengetahuan baik dan jahat—  
mewakili dua prinsip—  
prinsip hayat serta prinsip betul dan salah.**

**Pemulihan Tuan ialah pemulihan  
hal mengasihi Tuan Yesus dengan kasih pertama,  
yakni kasih yang terbaik, dan makan Tuan Yesus  
sebagai pohon hayat untuk membina  
Tubuh Kristus yang organik,  
iaitu membina Yerusalem Baru  
yang merupakan matlamat ekonomi abadi Tuhan.**

**Sebagai reproduksi Kristus yang merupakan pohon hayat,  
kita, percayawan dalam Kristus dan anak-anak Tuhan,  
bukan sahaja mempunyai hayat abadi  
dan dapat mengalami hayat abadi,  
malah kita juga dapat meministerkan hayat ini  
kepada anggota Tubuh Kristus yang lain.**

**PENGENALAN:  
MENGAMBIL JALAN MENIKMATI KRISTUS SEBAGAI POHON HAYAT**

**Persekutuan Penting daripada Dikbang Lee**

**“Pohon hayat mentamsilkan Kristus yang menyalurkan hayat kepada manusia, yang menyenangkan hati manusia, serta memuaskan manusia”—*Kajian-hayat Kejadian*, m.s. 163.**

**“Seperkara yang kita perlukan ialah menikmati Tuan sebagai pohon hayat”—*The Tree of Life*, m.s. 23.**

**“Pada bulan Mei 1943...Saya menghidap penyakit batuk kering yang sangat teruk... Dalam masa dua tahun setengah saya sakit, saya melihat pohon hayat. Sepanjang dua tahun setengah itu saya melihat bahawa dalam pemulihan Tuan dan dalam kerja-Nya, kita kekurangan hayat. Setiap jenis masalah, tidak kira apa masalah pun, ialah hasil daripada kekurangan hayat. Apabila saya melihat butir ini, saya penuh sesal sekali. Saya banyak mengaku dosa dan bertaubat secara tuntas di hadapan Tuan; saya juga banyak menanggulangi diri di hadapan-Nya...Mesej-mesej berkenaan pohon hayat telah menyelamatkan banyak pekudus dan juga membebaskan banyak dikbang dan dikkak di Nanking. Disebabkan pergolakan selama empat tahun dalam gereja di Shanghai, para pekudus sudah bertahun-tahun berasa tawar hati dan tertekan serta tidak dapat berbuat apa-apa. Mesej-mesej ini membebaskan roh mereka dan mencahayai hati mereka...Saya bersyukur kepada Tuan kerana menerusi mesej-mesej berkenaan pohon hayat, gereja di Shanghai telah disembuhkan...Mesej-mesej berkenaan pohon hayat telah meletakkan asas untuk kepulihbangkitan gereja di Shanghai”—*The History and Revelation of the Lord’s Recovery*, jil. 1, m.s. 130, 133, 135, 138.**

**“Makan pohon hayat, iaitu menikmati Kristus sebagai bekalan hayat kita, harus menjadi perkara yang utama dalam kehidupan gereja”—*Wahi 2:7*, nota kaki 6, per. 4.**

**“Keadaan jahat orang durjana ialah mereka tidak datang kepada Tuan untuk makan dan menikmati Tuan...Mereka melakukan banyak perkara, namun mereka tidak datang menghubungi Tuan, mengambil-Nya, menerima-Nya, mengecap-Nya, dan menikmati-Nya. Di mata Tuhan, tidak ada apa-apa yang lebih jahat daripada ini”—*Yes. 57:20*, nota kaki 1.**

**Hasrat Tuhan terhadap manusia ialah memberi diri-Nya sebagai pohon hayat kepada manusia untuk dinikmati manusia. “Melihat bahawa Tuhan menghendaki kita menikmati-Nya dan Dia tidak mahu kita berbuat apa-apa untuk-Nya bererti melihat bahawa kehidupan orang Kristian ialah perihal kenikmatan...Jika konsep kita berubah agar kita melihat dua butir ini, maka mudah bagi kita menjalani kehidupan menikmati Tuhan”—*The Vision of the Tree of Life and the Tree of the Knowledge of Good and Evil*, m.s. 60.**

**“Jika kita ingin mengambil jalan menikmati Tuhan, konsep kita harus berubah... Jika kita ingin memasuki realiti menikmati Tuhan, kita harus melihat visi yang menguasai...Ketika saya berusia empat puluh tahun, barulah Tuan mewahikan jalan menikmati-Nya kepada saya. Saya berasa kecewa kerana selama dua puluh tahun, kebanyakan masa dan tenaga saya telah dibazirkan. Kebanyakan doa saya tidak bernilai, dan masa yang saya habiskan untuk membaca Bible dan buku-buku rohani yang lain juga tidak bernilai. Pada saat inilah saya menyedari bahawa cara kita bekerja adalah salah dan cara pengejaran rohani kita juga salah...Oleh sebab saya mengalami kerugian besar kerana mengambil jalan yang salah, saya tidak mahu orang lain mengulangi kesilapan yang sama. Saya berharap agar orang lain dapat mengambil jalan menikmati Tuhan. Saya merayu kepada para pekudus agar jangan lagi mengambil jalan yang salah. Kita harus mempertimbangkan jalan pengejaran kita yang dahulu. Kita perlu mempunyai perubahan konsep secara drastik. Kita perlu mempunyai visi yang menguasai”—*The Vision of the Tree of Life and the Tree of the Knowledge of Good and Evil*, m.s. 51.**

**SUBJEK AM:  
MENGAMBIL JALAN MENIKMATI KRISTUS  
SEBAGAI POHON HAYAT**

Mesej Satu

**Mengambil Jalan Menikmati Kristus sebagai Pohon Hayat  
untuk Menyempurnakan Ekonomi Abadi Tuhan**

Bacaan Bible: Kej. 2:7-9; Wahi 2:7; 22:14; Yoh. 1:4; 14:6a; 10:10b; 6:35, 57, 63

- I. Dalam Kejadian 2, kita melihat dua pilihan di hadapan manusia—pohon hayat dan pohon pengetahuan baik dan jahat—ay. 7-9:**
- A. Dua pohon menunjukkan bahawa dalam alam semesta ini terdapat dua tekad, dua sumber, dan dua kemungkinan untuk manusia memilih dengan tekadnya yang bebas—bd. Ul. 30:19-20.
  - B. Pohon hayat menandakan Kristus, iaitu perjasadan Tuhan Tritunggal, sebagai hayat kepada manusia dalam bentuk makanan agar manusia menikmati-Nya dan dikonstitusikan dengan-Nya demi kemuliaan-Nya, ekspresi korporat-Nya, dengan itu menyempurnakan hasrat asal Tuhan menurut ekonomi abadi-Nya—Kej. 1:26; Yes. 43:7; Kej. 2:9; Wahi 2:7; 22:14; Yoh. 1:4; 14:6a; 10:10b; 6:35, 57, 63; Wahi 21:10-11; bd. 4:3:
    - 1. Pohon hayat, iaitu pohon Tuhan, Tuhan-pohon, ialah pusat alam semesta.
    - 2. Wasiat Lama bermula dengan pohon hayat (Kej. 2:9), dan Wasiat Baru berakhir dengan pohon hayat (Wahi 22:2, 14); dengan itu, pemikiran berkenaan Tuhan menjadi hayat manusia merentasi seluruh wahi divin.
    - 3. Tuhan menempatkan manusia di hadapan pohon hayat menunjukkan bahawa Tuhan mengingini manusia menerima Dia menjadi hayat manusia dengan makan Dia secara organik dan mengasimilasikan Dia secara metabolik, supaya Tuhan dapat menjadi konstituen diri manusia—Yoh. 6:57, 63; Yer. 15:16; Mat. 4:4.
  - C. Pohon pengetahuan baik dan jahat menandakan Syaitan sebagai sumber maut kepada manusia—Ibr. 2:14:
    - 1. Pohon ini juga menandakan segala sesuatu yang selain Tuhan kerana apa-apa sahaja yang bukan Tuhan sendiri, termasuk hal-hal yang baik, bahkan hal-hal yang menurut Bible dan hal-hal agama, dapat diperalatkan oleh Syaitan yang licik itu untuk membawa maut kepada manusia—Yoh. 5:39-40; 2 Kor. 3:6b.
    - 2. Baik dan jahat bukan dilambangkan oleh dua pohon, tetapi satu pohon, iaitu pohon kedua; dengan demikian, mencari kebaikan selain Tuhan adalah kepunyaan Syaitan.
    - 3. Kebaikan yang sejati ialah Tuhan sendiri; oleh itu, beroleh Tuhan bersamaan dengan beroleh kebaikan yang sejati—Mat. 19:17a; Mrk. 10:17-18; Mzm. 16:2.
  - D. Pohon hayat menyebabkan manusia bergantung pada Tuhan (Yoh. 15:5), manakala pohon pengetahuan menyebabkan manusia memberontak terhadap Tuhan dan merdeka daripada-Nya (bd. Kej. 3:5):
    - 1. Makan menunjukkan kebergantungan; Tuhan ialah makanan kita, dilambangkan oleh pohon hayat, bermaksud bahawa kita harus bergantung pada Tuhan secara berterusan.
    - 2. Pohon pengetahuan menunjukkan kemerdekaan; di mata Tuhan, dosa pertama manusia dan dosa terbesar ialah kemerdekaan.
  - E. Dua pohon menghasilkan dua garis, dua jalan—jalan hayat dan jalan maut—yang merentasi seluruh Bible dan berakhir dalam buku Wahi:
    - 1. Maut bermula dengan pohon pengetahuan (Kej. 2:17) dan berakhir dengan tasik api (Wahi 20:10, 14).

2. Hayat bermula dengan pohon hayat dan berakhir dengan Yerusalem Baru, iaitu kota air hayat—22:1-2.

**II. Kita harus kekal dalam jalan hayat, iaitu garis hayat, dalam pemeliharaan hayat dengan menikmati Kristus sebagai pohon hayat untuk pembinaan Tuhan dalam hayat melalui pertumbuhan kita dalam hayat—Yoh. 10:10b; Wahi 22:1-2; Ef. 4:16; 2:21-22; Kol. 2:19:**

- A. Kita kekal dalam jalan hayat dengan hidup dan melayan menurut prinsip hayat, bukan menurut prinsip betul dan salah:
  1. Kita harus hidup dan bertindak menurut perasaan hayat dalaman dalam roh kita, iaitu pimpinan hayat, bukan menurut betul dan salah—Roma 8:6; 2 Kor. 2:13.
  2. Standard kehidupan orang Kristian ialah hadirat Kristus yang huni secara dalaman dalam kita; ini bukan soal apa yang betul atau salah, tetapi soal sama ada hayat divin dalam kita itu bersetuju dengan sesuatu atau tidak—Mat. 17:3, 5, 8; bd. Mal. 2:15-16.
- B. Kita kekal dalam jalan hayat dengan mengasihi Tuan sehingga tahap kemuncak, menarik hati orang lain agar lari mengikut-Nya—Mrk. 12:30; Kid. 1:4a:
  1. Untuk menikmati Kristus sebagai pohon hayat, kita harus sentiasa memberitahu Dia, “Tuan Yesus, aku cinta pada-Mu”; jika kita mempunyai kasih yang membara-baru terhadap Tuan Yesus, memberi Dia tempat pertama dalam segala sesuatu, kita akan menikmati segala apunya Dia—Wahi 2:4-5, 7.
  2. Untuk menikmati Kristus sebagai pohon hayat, kita harus menunangkan orang lain kepada-Nya, membawa mereka ke dalam penghargaan, kasih, dan kenikmatan yang sejati terhadap persona Tuan Yesus yang mestika—2 Kor. 11:2-3.
- C. Kita kekal dalam jalan hayat dengan makan Yesus menerusi kita mendoa-baca Sabda, merenungkan sabda, dan meministerkan sabda sebagai Roh itu ke dalam orang dengan melatih roh iktikad kita—Yoh. 6:57, 63; Yer. 15:16; Mzm. 119:15; Mat. 4:4; 24:45; 1 Kor. 2:4-5, 13:
  1. Kita harus menikmati Dia dalam Sabda awal-awal pagi untuk mempunyai permulaan baru setiap hari, dan kita harus menerima sabda-Nya dengan pertimbangan yang banyak dan teliti—Mzm. 119:15, 147-148; bd. Im. 11:3.
  2. Kita harus membicarakan Kristus kepada segala jenis orang saban hari dalam musim dan di luar musim (Kis. 5:42; 8:4; 2 Tim. 4:2) dan berusaha bersungguh-sungguh untuk memupuk tabiat berbicara dalam apa jua perhimpunan (1 Kor. 14:26, 4-5, 12, 31).
- D. Kita kekal dalam jalan hayat dengan menikmati Tuhan Tritunggal sebagai hukum Roh hayat berserta kapasiti divinnya—Roma 8:2; Yer. 32:39:
  1. Dalam Taman Eden yang mempunyai dua pohon, kita melihat hayat, kebaikan, dan kejahatan; kita ialah miniatur Taman Eden yang mempunyai hukum Roh hayat dalam roh kita, hukum kebaikan dalam minda kita yang alamiah dan merdeka, serta hukum kejahatan dalam tubuh daging kita—Roma 7:23; 8:2, 16.
  2. Kita harus “membuka suis” hukum Roh hayat dengan bergerak-hidup menurut roh dan meletakkan minda kita pada roh untuk pendispenan Tuhan Tritunggal sebagai hayat ke dalam diri tripartit kita—ay. 2, 4, 6, 10-11.
- E. Kita kekal dalam jalan hayat dengan hidup dalam kebangkitan, dalam realiti gereja sebagai Tubuh Kristus, yang dilambangkan oleh kaki pelita emas yang merupakan pohon hayat kebangkitan; hal ini demikian agar kita dapat membawa kemuliaan Tuhan demi ekspresi Tuhan sebagai kota hayat, Yerusalem Baru—Ef. 1:22-23; Kel. 25:31-40; Wahi 1:11-12; 21:10-11.

**III. Satu-satunya jalan untuk kita menjadi pejayeng adalah dengan makan dan menikmati Kristus sebagai pohon hayat agar kita dapat ditransform dalam**

**hayat untuk menjadi anak lelaki demi mempamerkan kemenangan Kristus dan untuk kita menjadi pengantin perempuan demi kepuasan Kristus—2:7, 17; 3:20-21; 12:5-12; 19:7-9; 22:2, 14.**